

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 19 DISEMBER 2013 (KHAMIS)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1	Senario politik semasa program angkasawan	Utusan Malaysia
2	Pusat Komersial produk Inovasi akan ditubuhkan	Utusan Malaysia
3	Cadang wujud pusat pengkomersialan	Sinar Harian
4	Dewan Negara: Kerajaan cadang wujud pusat pengkomersialan produk inovasi negara	Bernamea.com
5	2013 Conferment of Fellowship	New Straits Times
6	Cergas semula sains :Najib	Sinar Harian
7	Mini Tornado 'strikes' Johor	New Straits Times
8	Watery Twist	The Star
9	Second wave alert	The Sun
10	Siap sedia hadapi gelombang kedua bah	Berita Harian
11	Angkawasan kedua ke ISS	Harian Metro
12	Kes buli siber perlu ditangani segera	Harian Metro
13	Kemaruk Internet 19 jam	Harian metro

**KERATAN AKHBAR**  
**UTUSAN MALAYSIA (RENCANA) : MUKA SURAT 12**  
**TARIKH : 19 DISEMBER 2013 (KHAMIS)**

# Senario politik semasa program angkasawan

BEGITU menarik sekali apabila Datuk Dr. Ewon Ebin, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menyatakan beliau sudah mempunyai tarikh untuk melaksanakan misi angkasa lepas kedua iaitu menghantar angkasawan ke stesen angkasa antarabangsa (ISS).

Beliau berkata demikian ketika melancarkan pameran angkasawan yang diadakan di Maritim Putrajaya beberapa hari lepas dan turut membayangkan bahawa tarikh misi penghantaran angkasawan kedua sudah semakin dekat.

Begitu banyak pengajaran yang telah dijadikan iktibar ekoran kejayaan angkasawan pertama Malaysia Datuk Dr. Sheikh Muszaphar Shukor berada di ISS selama beberapa hari terutama sekali yang bersangkutan paut dengan manfaat yang telah diperolehi dari misi tersebut.

Walaupun misi pertama itu tidak membabitkan kos secara langsung kerana ia merupakan program ofset hasil daripada balasan pembelian jet pejuang Sukhoi SU-30 MKM dari Rusia, rakyat Malaysia tetap kritikal mengenai keperluan menghantar angkasawan ke angkasa.

Sebab itu MOSTI mengambil pendekatan yang lebih holistik dalam merangka perincian program angkasawan kedua dengan mengambil kira pendapat dari semua pihak yang berkepentingan seperti industri, akademia, saintis, ahli politik dan juga orang awam.

"Apa yang penting ialah perancangan yang rapi dan menentukan pengisian programnya demi memastikan ia membawa hasil kepada negara kerana orang ramai akan bertanya mengenai apakah hasil yang diperolehi dalam Program Angkasawan ini setelah membelanjakan wang yang banyak," tambah Dr. Ewon.

Tanpa program ofset yang boleh digunakan dalam misi kedua, maka kos yang dianggarkan paling minimum RM100 juta sudah pasti memerlukan justifikasi yang begitu kukuh untuk menyakinkan rakyat

**Gerbang Global**  
Azmi Hassan



Malaysia mengapa Program Angkasawan ini perlu diteruskan. Amat begitu sukar sekali untuk menyakinkan sesiapa sahaja dengan menggunakan dalil keperluan adalah begitu kritikal untuk angkasawan melaksanakan uji kaji di ISS kerana RM100 juta juga banyak kegunaan lebih mendesak di atas bumi.

Langkah MOSTI untuk melibatkan pihak industri adalah strategi yang bijak untuk memastikan bahawa misi angkasawan kali ini akan memberi manfaat secara langsung kepada sektor yang berkait rapat dengan teknologi angkasa iaitu industri aeroangkasa. Bagi sebuah negara yang kecil, Malaysia mempunyai industri aeroangkasa yang agak sihat kerana ketika ini mampu menyumbang sehingga 3.5 peratus Keluaran Kasar Dalam Negara (KDNK). Jika ditinjau program angkasawan pertama, penglibatan sektor industri adalah pada tahap paling minimum dan sebab itu persepsi masyarakat umum adalah begitu negatif sekali.

Program Angkasawan juga perlu mempunyai sinergi dengan industri angkasa terutama sekali yang melibatkan teknologi satelit. RazakSat iaitu satelit penderiaan jauh pertama negara yang dibangunkan sepenuhnya oleh kepakaran tempatan melalui Astronautic Technology Sdn Bhd (ATSB) adalah bukti jelas bagaimana kejayaan boleh dicapai dalam industri teknologi termaju jika mempunyai perancangan yang teliti.

Satelit RazakSat dikatakan memiliki ciri yang unik kerana pergerakan adalah melalui orbit hampir khatulistiwa yang tidak pernah dilakukan oleh satelit lain di dunia sebelum ini. Oleh kerana jangka hayat satelit Ra-

6 Apa yang penting ialah perancangan yang rapi dan menentukan pengisian programnya demi memastikan ia membawa hasil kepada negara kerana orang ramai akan bertanya mengenai apakah hasil yang diperolehi dalam program angkasawan ini setelah membelanjakan wang yang banyak.

zakSat akan tamat tidak lama lagi, ATSB sekali lagi diberi tanggungjawab untuk membangunkan satelit baharu yang dinamakan RazakSat2.

Program angkasawan juga perlu mengambil pendekatan yang serupa iaitu misi kali ini perlu mempunyai ciri yang unik sama ada dalam bentuk uji kaji yang bakal dilaksanakan atau pun apa jua perkara yang berkaitan secara langsung seperti perpindahan teknologi umpamanya.

Jika pendekatan sosio-ekonomi tidak digunakan sepenuhnya dalam program angkasawan pertama untuk menyakinkan masyarakat kepentingan program tersebut, begitu juga dengan strategi sosio-politik juga langsung tidak diamalkan ketika itu. Ahli politik Malaysia dinilai kurang berminat membicarakan isu ini kerana ia jarang disentuh berkemungkinan golongan ini berpendapat tidak ada kena mengena dengan senario politik negara.

Tetapi amat berbeza pula dengan negara lain yang berjaya menghantar rakyat mereka ke angkasa, strategi sosio-politik digunakan sepenuhnya untuk meraih manfaat tertentu. Korea Selatan umpamanya menggunakan isu kejayaan angkasawan Yi So-yeon yang telah berada di ISS selama 10 hari pada 2007 sebagai pemangkin untuk mendekatkan hubungan di antara Seoul dan Pyongyang. Ini adalah kerana rakyat Korea Selatan menilai kejayaan So-yeon adalah kejayaan rakyat Semenanjung Korea keseluruhannya.

Begitu juga apabila setiap kali angka-

sawan dari Agensi Angkasa Eropah (ESA) dipilih untuk menyertai misi ke ISS, label negara asal angkasawan tidak dipergunakan kerana untuk menghindari hanya negara tertentu mendapat manfaat. Sebab itu lazimnya tidak kira angkasawan ESA itu berasal dari Britain, Perancis atau Itali tetapi apa yang pasti adalah angkasawan itu mewakili keseluruhan negara dalam Kesatuan Eropah.

Begitu juga dengan kejayaan China mendaratkan kenderaan perayau Jade Rabbit di permukaan bulan beberapa hari lepas, Beijing telah menggunakan peristiwa ini untuk menyakinkan rakyat mereka bahawa China sudah berada pada tahap kedudukan yang selama ini hanya dimiliki oleh Amerika Syarikat dan Rusia sahaja.

Memang benar Malaysia perlu berhati-hati dalam melaksanakan program angkasa lepas negara dan ini termasuklah program angkasawan. Tetapi satu perkara perlu difahami dan tidak dapat dielakkan ialah peruntukkan yang besar adalah diperlukan jika Malaysia serius menceburi bidang tersebut dan di sinilah kemahuan politik yang kuat memainkan peranan yang penting untuk menjayakan misi tersebut.

Sebab itu kritikal bagi MOSTI menggunakan strategi sosio-ekonomi dan sosio-politik dengan berkesan supaya manfaat yang maksimum mampu diraih melalui program angkasawan kedua.

**PENULIS** ialah Geostrategis Institut Geospasial dan Sekolah Perdana UTM.



## Pusat komersial produk inovasi akan ditubuh

KUALA LUMPUR 18 Dis. - Kerajaan bercajandag mewujudkan sebuah pusat pengkomersialan produk inovasi negara bagi menggalakkan pertumbuhan sektor berkenaan.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk

Dr. Abu Bakar Mohamad Diah berkata, pusat tersebut akan berfungsi sebagai pusat pengumpulan serta pameran yang dibuka kepada orang ramai termasuk pelabur yang berpotensi.

Katanya, pelabur tidak perlu lagi menunggu sesuatu pameran diadakan untuk melihat produk inovasi yang dihasilkan daripada penyelidikan anak tempatan.

"Produk berpotensi itu tidak akan lagi berada di pusat penyelidikan universiti begitu sahaja sebaliknya boleh dikomersialkan oleh pelabur



ABU BAKAR MOHAMAD DIAH

yang berminat," katanya.

Beliau menjawab soalan tambahan Senator Norliza Abdul Rahim yang meminta kementerian menyatakan langkah bagi menggalakkan pengkomersialan produk inovasi tempatan dalam sidang Dewan Negara hari ini.

Sementara itu, menjawab soalan asal Senator Mohamad Ezam Mohd. Nor tentang semakan dan perubahan yang dilakukan kerajaan bagi mempercepatkan pembinaan dan pengkomersialan sesuatu inovasi, Abu Bakar memberitahu, kementeriannya sentiasa membuat semakan mengikut peredaran masa.

"Langkah ini diambil bagi memastikan penghasilan produk inovasi yang berkualiti serta bermutu tinggi dan mampu menarik minat pelabur asing," katanya.

## Cadang wujud pusat pengkomersialan

**KUALA LUMPUR** - Kerajaan akan mewujudkan sebuah pusat sehati untuk mempromosi produk-produk inovasi tempatan, persidangan Dewan Negara diberitahu semalam.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti), Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah berkata pusat sehati itu akan menjadi lokasi pengumpulan produk-produk inovasi dan pusat pameran yang akan memudahkan masyarakat melihat hasil yang dikeluarkan.

"Jadi orang ramai dan pelabur yang berminat dengan produk-produk inovasi yang dihasilkan oleh penyelidik tempatan tidak perlu tunggu adanya pameran baharu boleh tengok produk inovasi yang dikeluarkan," katanya.

Abu Bakar berkata demikian ketika menjawab soalan Senator Norliza Abdul Rahim mengenai langkah yang diambil kerajaan untuk menggalakkan pengkomersialan produk inovasi tempatan.

Menjelas lanjut, Abu Bakar berkata, langkah itu juga dapat mengelakkan produk inovasi, khususnya yang dihasilkan di pusat-pusat penyelidikan pusat pengajian tinggi disimpan dan tidak dikomersilkan.

Abu Bakar berkata Mosti dan pelbagai agensi di bawah kementerian sentiasa memastikan setiap aktiviti penghasilan dan pengkomersialan produk inovasi dijalankan secara berterusan selain merangka pelbagai langkah bagi memajukan bidang tersebut.

"Mosti menyediakan tiga geran bagi tujuan penyelidikan dan penghasilan produk inovasi iaitu ScienceFund, TechnoFund dan InnoFund agar produk yang dihasilkan berkualiti selain mampu dimanfaatkan," katanya.

Dalam isu lain, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Dr J Loga Bala Mohan berkata, tiada proses audit akses dibuat terhadap bangunan baharu di bandaraya ini bagi memantau kepatuhan mereka dalam menyediakan kemudahan orang kurang upaya (OKU).

Menurutnya, sijil menduduki bangunan (CFO) bagi bangunan baharu hanya akan dikeluarkan selepas pihak berkuasa tempatan (PBT) yakin pembinaannya mengikut pelan pembangunan yang diluluskan, termasuk untuk menyediakan kemudahan OKU.

Loga Bala berkata demikian ketika menjawab soalan Senator K.Bathmavathi di Dewan Negara, yang ingin tahu sama ada audit akses dibuat terhadap bangunan baharu yang dibina sejak Pindaan Undang-undang Kecil Seragam Bangunan yang memerlukan kemudahan disediakan bagi OKU diwartakan pada 1991.

Loga Bala berkata, audit akses kini dijalankan terhadap lebih 30 bangunan dan fasiliti milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).- Bernama





## Dewan Negara: Kerajaan Cadang Wujud Pusat Pengkomersialan Produk Inovasi Negara

KUALA LUMPUR, 18 Dis (Bernama) -- Kerajaan akan mewujudkan sebuah pusat sehati untuk mempromosi produk-produk inovasi tempatan, persidangan Dewan Negara diberitahu Rabu.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah berkata pusat sehati itu akan menjadi lokasi pengumpulan produk-produk inovasi serta pusat pameran yang akan memudahkan masyarakat melihat hasil yang dikeluarkan.

"Jadi orang ramai dan pelabur yang berminat dengan produk-produk inovasi yang dihasilkan oleh penyelidik tempatan tidak perlu tunggu adanya pameran baru boleh tengok produk inovasi yang dikeluarkan," katanya.

Abu Bakar berkata demikian ketika menjawab soalan Senator Norliza Abdul Rahim mengenai langkah yang diambil kerajaan untuk menggalakkan pengkomersialan produk inovasi tempatan.

Menjelas lanjut, Abu Bakar berkata, langkah itu juga dapat mengelakkan produk inovasi, khususnya yang dihasilkan di pusat-pusat penyelidikan pusat pengajian tinggi disimpan dan tidak dikomersialkan.

Abu Bakar berkata Mosti dan pelbagai agensi di bawah kementerian sentiasa memastikan setiap aktiviti penghasilan dan pengkomersialan produk inovasi dijalankan secara berterusan selain merangka pelbagai langkah bagi memajukan bidang tersebut.

"Mosti menyediakan tiga geran bagi tujuan penyelidikan serta penghasilan produk inovasi iaitu ScienceFund, TechnoFund dan InnoFund agar produk yang dihasilkan berkualiti selain mampu dimanfaatkan," katanya.

Dalam isu lain, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan Datuk Dr J. Loga Bala Mohan berkata tiada proses audit akses dibuat terhadap bangunan baharu di bandaraya ini bagi memantau kepatuhan mereka dalam menyediakan kemudahan Orang Kelainan Upaya (OKU).

Katanya ini kerana Sijil Menduduki Bangunan (CFO) bagi bangunan baru hanya akan dikeluarkan selepas pihak berkuasa tempatan (PBT) yakin pembinaannya mengikut pelan pembangunan yang telah diluluskan, termasuk untuk menyediakan kemudahan OKU.

Loga Bala berkata demikian ketika menjawab soalan Senator K. Bathmavathi di Dewan Negara pada Rabu, yang ingin tahu sama ada audit akses dibuat terhadap bangunan baharu yang dibina sejak Pindaan Undang-undang Kecil Seragam Bangunan yang memerlukan kemudahan disediakan bagi OKU diwartakan pada 1991.

Menjelas lanjut, Loga Bala berkata audit akses kini dijalankan terhadap lebih 30 bangunan dan fasiliti milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), yang mana berdasarkan penemuan, kerja-kerja penambahbaikan untuk pematuhan kehendak-kehendak OKU telah dan sedang dijalankan DBKL.



**KERATAN AKHBAR  
NEW STRAITS TIMES : MUKA SURAT 11  
TARIKH : 19 DISEMBER 2013 (KHAMIS)**

*2013*  
**Conferment  
of Fellowship**  
of the Academy of Sciences Malaysia

**& Announcement of the 2013  
Top Research Scientists Malaysia**



# *Congratulations*

## Senior Fellows

Academician Dr Chia Swee Ping FASc

Academician Tan Sri Datuk Dr Yusof Basiron FASc

## New Fellows

Professor Ir Dr Abd Halim Shamsuddin FASc	Professor Dato' Dr Kamaruzzaman Sopian FASc
Professor Dr Abdul Latif Ahmad FASc	Professor Dr Khor Geok Lin FASc
Dr Amir Hashim Md Yatim FASc	Dr Low Kwai Sim FASc
Professor Dr Awg Bulgiba Awg Mahmud FASc	Dr Mazlan Madon FASc
Ir Choo Kok Beng FASc	Ir Mohd Adnan Mohd Nor FASc
Puan Fadilah Baharin FASc	Professor Dr Mohd Tajuddin Abdullah FASc
Professor Dr Fatimah Md Yusoff FASc	Professor Dr Mustafa Ali Mohd FASc
Professor Dr Hamdani Saidi FASc	Professor Dr Ng Wing Keong FASc
Professor Dr Hj Ibrahim Che Omar FASc	Professor Dr Norani Muti Mohamed FASc
	Dr Saw Leng Guan FASc

## *Thank you*

**YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak**

Prime Minister of Malaysia

for being a part of the growing fraternity of ASM -

Supporting our commitment in advancing the STI landscape in Malaysia



The Honourable Prime Minister of Malaysia YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak with the 2013 Top Research Scientists Malaysia recipients at the 2013 Conferment of Fellowship of the Academy of Sciences Malaysia and Announcement of the 2013 Top Research Scientists Malaysia

**Serving the nation through STI**



## Cergaskan semula sains: Najib



Najib (tengah) bergambar bersama penerima anugerah Felo Kanan 2013, Dr Yusof (kiri) dan Dr Chia Swee Ping pada Majlis Penganugerahan Fellowship Akademi Sains Malaysia 2013 dan pengumuman TRSM 2013, semalam.

**KUALA LUMPUR** - Malaysia perlu mencergaskan semula bidang sains agar mampu menjana idea baharu dan strategi yang dapat menghasilkan kekayaan dan pekerjaan untuk rakyat, kata Datuk Seri Najib Tun Razak.

Perdana Menteri berkata, kerajaan sedar ia tidak mampu menjaga kebajikan rakyat, melainkan ia membangunkan dan melestarikan dasar sains dan teknologi yang kukuh.

"Malaysia mempunyai komitmen yang tinggi untuk pembangunan sains dan teknologi," katanya di Majlis Penganugerahan Fellowship Akademi Sains Malaysia 2013 dan pengumuman "Top Research Scientists Malaysia" (TRSM) 2013, di sini, semalam.

Najib berkata, sains dan teknologi adalah instrumen yang berkuasa dalam perubahan sosial, yang kesannya kepada pemodenan bukan sekadar peningkatan teknologi tetapi juga mengubah kehidupan individu, masyarakat dan negara.

Isunya kata beliau, apa juga yang dikemukakan oleh komuniti saintifik mesti pada akhirnya membawa impak positif kepada kehidupan rakyat.

"Saya sedar ini tidak akan berlaku dalam tempoh semalam, akan tetapi pelan komprehensif yang menangani isu-isu

mendesak, digabung dengan keperluan masa hadapan, perlu digubal untuk meletakkan sains sebagai enjin utama dalam kemakmuran ekonomi negara kita," kata Najib.


Beliau juga mengiktiraf peranan penting organisasi seperti Akademi Sains Malaysia (ASM) dalam menjana idea untuk kerajaan mencapai agenda membina negara yang teguh dan makmur, serta menjadi negara maju menjelang 2020.

Perdana Menteri juga berharap menerusi sistem tadbir urus sains yang ditambah baik, penyelidikan dan pembangunan di pelbagai kementerian serta agensi kerajaan serta sektor swasta, akan lebih berfokus dan berkoordinasi.

"Saya mengalu-alukan input yang konstruktif daripada anda semua ketika kita menuju ke arah mencapai aspirasi negara dan untuk itu saya mengharap kerjasama yang berterusan daripada komuniti saintifik," katanya.

Dalam majlis itu, Najib turut menyampaikan anugerah Fellowship ASM kepada dua felo kanan akademi tersebut iaitu Ketua Pengarah Lembaga Minyak Sawit Malaysia, Tan Sri Dr Yusof Basiron dan ahli fizik teori, Dr Chia Swee Ping serta 19 felo baharu ASM. - Bernama

**KERATAN AKHBAR  
NEW STRAITS TIMES (PRIME NEWS) : MUKA SURAT 6  
TARIKH : 19 DISEMBER 2013 (KHAMIS)**



**MINI  
TORNADO  
'STRIKES' JOHOR**

City folk here witnessed a **bizarre** twist of nature when a **mini tornado** appeared on the **Tebrau Straits** in front of the **Johor Baru Post Office**. The mini tornado appeared about 5pm and lasted for more than 30 seconds before vanishing. Heavy rain in the city centre followed for about three hours. People who saw the phenomenon took a picture of the twister and posted it on social media websites and social networking applications like WhatsApp. The state **Meteorological Department** declined to comment on the matter as it did not receive any report on the phenomenon. **Pic by Rizalman Ham-mim**



**KERATAN AKHBAR  
THE STAR (NATION) : MUKA SURAT 14  
TARIKH: 19 DISEMBER 2013 (KHAMIS)**



**Watery  
twist**

A water spout spotted at the waters off Lido area in Johor sent the social media into a frenzy yesterday with Netizens swapping pictures and videos of the weather phenomenon. According to the **Meteorological Department**, the water spout is common, especially during thunderstorms.

## 'Second wave alert'

**PETALING JAYA:** The Meteorological Department warned in a statement that a second wave of heavy monsoon rain is expected to hit the east coast states and Johor.

Flood prone areas, including Terengganu (Dungun and Kemaman districts), Pahang (Kuantan, Pekan and Rompin districts) and Johor (Segamat and Mersing districts) are to be on high alert of floods that may happen between Friday and Monday.

The statement advised people residing in low-lying areas to be on alert and to also follow evacuation orders, if any.


For updates on evacuation or storm and flood warnings, visit <http://portalbencana.mkn.gov.my> or <http://www.facebook.com/informasibencana> and <http://twitter.com/PortalBencana>.



KERATAN AKHBAR  
BERITA HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 14  
TARIKH: 19 DISEMBER 2013 (KHAMIS)



Pengurus Bank CIMB Jalan Tun Ismail, Kuantan, Zailan Mohd Ali (kanan) dan kakitangannya Syed Abdul Rahman Syed Ali, **menyusun guni pasir** untuk dijadikan benteng di hadapan bank. [FOTO LUQMAN HAKIM ZUBIR/BH]



Zaleha Mat Ali **menggunakan kerusi** untuk mengambil barang di dalam peti sejuk rumahnya yang diletakkan di atas perancah besi bagi mengelakkan kerosakan akibat banjir. [FOTO NAZDY HARUN/BH]



ADUN Peramu, Pekan, Datuk Sh Mohmed Puzi Sh Ali (kanan) **meninjau pembinaan parit** laluan air di Kuala Tanjung Agas bagi mengalirkan air Sungai Pahang ke laut. [FOTO MOHD RAFI MAMAT/BH]

## Siap sedia hadapi gelombang kedua bah

» Agensi berkaitan lengkapkan keperluan, aset berdepan pelbagai kemungkinan

Oleh Nik Shukry Sazili, Syalikhah Sazili, Noor Aznida Alias, Faizul Azlan Razak, Syazwan Msar, Khairulmizan Yahya, Shamsudin Husin  
bhnews@bh.com.my

**Amaran tahap kuning**  
Amaran hujan Tahap Kuning yang dikeluarkan Jabatan Meteorologi Malaysia, dijangka mencetuskan banjir sekitar Dungun dan Kemaman di Terengganu; Kuantan, Pekan dan Rompin di Pahang; Segamat dan Mersing di Johor.

**B**anjir di Pantai Timur diisytiharkan pulih sepenuhnya petang semalam, selepas semua mangsa dibenarkan pulang ke rumah, namun kebimbangan kini timbul terhadap gelombang kedua bencana itu, susulan hujan lebat dijangka melanda selama empat hari mulai Jumaat ini.

Pengarah Pusat Cuaca Nasional Jabatan Meteorologi Malaysia, Helmi Abdullah, berkata tiga faktor utama iaitu hujan lebat, air pasang besar dan angin kencang di Laut China Selatan, dikhawatiri menjadi punca gelombang kedua banjir besar yang bakal berlaku.

"Kami juga merekodkan, angin kencang Laut China Selatan pada



## Sumbangan ringan beban mangsa banjir

**Usaha** meringankan beban ditanggung semua mangsa banjir di Pantai Timur, terus digerakkan Kerajaan Pusat dan negeri menerusi pelbagai agensi, sambil disokong pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan sektor korporat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, sebelum ini mengumumkan semua keluarga mangsa banjir yang berpindah akan menerima bantuan ihsan sebanyak RM500 menerusi bayaran yang akan diuruskan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dalam tempoh terdekat.

**Bantuan ehsan tambahan**  
Kerajaan negeri yang terjejas juga mengumumkan bantuan ehsan tambahan dan pelbagai langkah lain yang diambil bagi meringankan beban mereka.

Kerajaan Terengganu semalam, meluluskan peruntukan RM15 juta untuk disalurkan kepada 10,000 mangsa banjir yang terjejas teruk terutama Kemaman, Dungun dan Hulu Terengganu.

Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Said, berkata bantuan RM1,500 akan diagihkan mulai Januari ini kepada setiap rumah yang ditenggelami banjir dan mengalami kerosakan


harta benda yang teruk.

"Untuk mangsa yang berpindah tetapi rumah mereka hanya dinaiki air setakat satu meter, layak menerima bantuan asal RM500 seperti masa lalu," katanya.

Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob, berkata kerajaan negeri menambah RM250 bagi setiap keluarga yang layak menerima wang ihsan RM500 yang disalurkan Kerajaan Pusat.


**Salur pelbagai bantuan**

"Selain wang ihsan dari Kerajaan Pusat dan negeri, kita akan tengok jika ada bantuan lain yang boleh





**SAMBUNGAN...  
KERATAN AKHBAR  
BERITA HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 15  
TARIKH: 19 DISEMBER 2013 (KHAMIS)**



**Kakitangan JKM menyusun barang-barang keperluan mangsa banjir di Depoh JKM, Marang, semalam.** [FOTO ROZAINAH ZAKARIA/BH]

kelajuan 50-60 kilometer sejam dengan ombak mencapai ketinggian 4.5 meter, manakala ketinggian air pasang di perairan tiga negeri itu antara 1.4 hingga 3.03 meter," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

**Ambil langkah bersedia**

Kebimbangan terhadap gelombang kedua banjir itu menyebabkan tiga kerajaan negeri yang terbabit dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) mengambil langkah bersedia sedia menghadapi sebarang kemungkinan.

Pengarah MKN Terengganu, Mohd Sarif Hasan, berkata persiapan rapi kini dibuat di Kemaman dengan tumpuan beberapa kawasan yang terputus hubungan seperti Kampung Seberang Tayor, Felda Seberang Tayor, Kampung Teladas, Kampung Air Putih dan Kampung Pasir Gajah.

"Sekiranya banjir berulang, lima kawasan ini terputus hubungan. Bagi mengatasi masalah itu, kita mengambil pendekatan menghantar

bekalan seperti makanan lebih awal untuk mereka bertahan.

**Lakukan persiapan awal**

"Persiapan kali ini juga mengambil kita sistem perhubungan dengan mengadakan perbincangan bersama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan syarikat telekomunikasi mudah alih seperti Maxis, Celcom dan DiGi yang memberi jaminan gangguan perkhidmatan tidak akan berulang," katanya.

Ketua Jabatan Ketenteraman Awam dan Trafik Pahang, Superintendan Mohamed Fauzi Abdul Rahim, berkata polis sudah bersedia menghadapi gelombang kedua banjir dan akan menggerakkan 2,971 anggotanya pada bila-bila masa diperlukan.

"Kami akan membunyikan siren di kawasan berisiko tinggi dan semua penduduk diminta memberi kerjasama serta mengikut setiap arahan dikeluarkan pasukan keselamatan bagi mengelak kejadian tidak diingini berlaku," katanya.

dihulurkan kemudian," katanya.

Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) pula tampil menyediakan kaunter bergerak di beberapa kawasan dilanda banjir sekitar Kuantan semalam, bagi memudahkan orang ramai menggantikan dokumen penting seperti kad pengenalan, sijil mati, sijil perkahwinan dan sijil lahir yang rosak atau hilang, secara percuma.

Ketua Pengarah JPN, Datuk Jariah Mohd Said, berkata inisiatif itu adalah bagi memastikan mangsa banjir boleh memperoleh segera dokumen penting yang hilang, sekali gus memudahkan mereka menyelesaikan urusan harian seperti tuntutan insurans, pendaftaran sekolah atau akaun bank.

Tenaga Nasional Berhad (TNB) pula memperuntukkan RM10 juta bagi

penyelenggaraan 1,229 pencawang dan stesen jana kuasa kendaliannya yang mengalami kerosakan akibat ditenggelami banjir di Pantai Timur dan Johor, awal bulan ini, memabitkan kerja naik taraf dan menukar alat ganti.

Syarikat kosmetik, AVON Cosmetics Malaysia diwakili Pengarah Urusannya, Carolyn Nur Amira Lee, berkata pihaknya menyerahkan bantuan berjumlah RM100,000 kepada mangsa banjir di Kuantan dan Mentakab, Pahang serta Dungun, Terengganu.

Sementara itu, seramai 40 sukarelawan misi bantuan mangsa banjir Tabung Bencana NSTP-Media Prima pula bergotong-royong bersama lebih 1,000 penduduk Kampung Pasir Gajah, Chukai.




**Ahmad bergambar bersama Sukarelawan Tabung Bencana Banjir Media Prima serta penerima bantuan persekolahan mangsa banjir di Sekolah Rendah Kebangsaan Bandar Baru Bukit Mentok 2, Kemaman.**



**Penasihat Tanggungjawab Sosial Korporat Kumpulan Media Prima, Datuk Ahmad A Talib (kanan) menyerahkan bantuan persekolahan kepada mangsa banjir sambil diperhatikan Guru Besar Sekolah Rendah Kebangsaan Bandar Baru Bukit Mentok, Mohamed Aslam Ghulam Nabi, semalam.**



**Ketua Pergerakan Wanita UMNO Malaysia, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil (kiri) bersama Skuad Sayang membersihkan lumpur di Balai Raya Bandar Baru Bukit Mentok, Kemaman.** [FOTO YUSMAIZI KARIM/BH]



**Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air Datuk Seri Mahdzir Khalid (tengah) menyerahkan cek Tabung Bantuan Mangsa Banjir Negeri Pahang berjumlah RM250,000 sumbangan TNB kepada Adnan (dua dari kanan).** [FOTO KHAIRULMI-ZAN YAHTIA/BH]



**KERATAN AKHBAR  
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 17  
TARIKH: 19 DISEMBER 2013 (KHAMIS)**

## **Angkasawan kedua ke ISS**

**Dengkil:** Kerajaan dijangka menghantar angkasawan kedua negara untuk melakukan pelbagai penyelidikan di Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS) menjelang 2016.

Pegawai Sains Agensi Angkasa Negara (ANGKASA) Mohd Zamri Shah Mastor berkata, bagi merealisasikan hasrat itu, pihaknya kini dalam proses mengumpul maklumat sebelum membuat keputusan jenis penyelidikan yang akan dilakukan angkasawan kedua negara di ISS nanti.

KERATAN AKHBAR  
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 24  
TARIKH: 19 DISEMBER 2013 (KHAMIS)



Oleh **Noor Mohamad Shakil Hameed**

## Kes buli siber perlu ditangani segera

**K**ajian syarikat telekomunikasi DiGi Telecommunications Sdn Bhd (DiGi) CyberSecurity Malaysia dan Kementerian Pendidikan melalui program CyberSAFE yang dijalankan terhadap pelajar sekolah di Malaysia mendapati 27 peratus pelajar mengakui mereka sering dibuli dalam aktiviti Internet. Lebih merisaukan apabila 13 peratus daripada angka berkenaan turut mengakui mereka dibuli setiap hari di Internet.

CyberSecurity Malaysia juga mendapati lebih ramai pelajar sekolah melayari Internet melalui telefon pintar kerana kecanggihannya berbanding komputer peribadi menyebabkan mereka lebih mudah terdedah kepada ancaman jenayah siber.

Hal ini disokong hasil kajian terbabit yang menunjukkan 29 peratus daripada pelajar yang terbabit kajian itu menggunakan telefon pintar untuk melayari Internet, diikuti 25 peratus (tablet) dan 23 peratus (telefon mudah alih).

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia Dr Amirudin Abdul Wahab, isu ini perlu dilihat secara serius kerana peratusan kes pelajar yang terbabit jenayah siber semakin meningkat iaitu lebih 407 kes buli siber dicatatkan daripada Januari hingga Oktober tahun ini berbanding 300 kes pada keseluruhan tahun tahun lalu.

Kita percaya jumlah kes seperti ini mungkin lebih banyak daripada yang dilaporkan kerana tidak ramai yang tampil membuat laporan secara rasmi. Hakikatnya kes buli siber serta jenayah siber memabitkan golongan muda, terutama pelajar sekolah mula membimbangkan semua pihak.

Dalam pada itu, satu lagi pendedahan daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) berhubung kes kehilangan kanak-kanak di negara kita juga dilihat ada kaitan dengan jenayah siber.

Misalnya, mengikut statistik polis, kes kanak-kanak hilang di negara ini cukup membimbangkan kerana lebih 70 peratus daripada 5,445 orang yang dilaporkan menjadi mangsa dalam tempoh tiga tahun ini adalah kanak-kanak perempuan yang melarikan diri dari rumah untuk mengikut kekasih dan mencari kebebasan di luar.

Menurut Ketua Unit Seksual, Bahagian Jenayah Seksual dan Kanak-Kanak (D11) Jabatan Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Bukit Aman Deputi Supritendan Zaiton Che Lah berkata, PDRM mengesan ada kegiatan pihak tidak bertanggungjawab melatih lelaki untuk memikat gadis di bawah umur iaitu

berusia bawah 18 tahun untuk dijadikan kekasih.

Statistik PDRM menunjukkan sejak 2011 sehingga September tahun ini sebanyak 5,445 kes kanak-kanak hilang direkodkan dan 23 lagi diculik.

Kata Zaiton, PDRM percaya kes rogol memabitkan mangsa kanak-kanak yang dilaporkan sejak kebelakangan ini berpunca daripada penyalahgunaan Internet memabitkan pelaku remaja yang masih bersekolah.

Siasatan mendapati punca utama mereka terbabit jenayah itu selepas terpengaruh dengan media sosial seperti Facebook dan laman web yang memaparkan video dan bahan lucah di Internet. Malah, statistik yang direkodkan PDRM mendapati 67 peratus pelaku jenayah itu terhadap mangsa berusia bawah 16 tahun iaitu pelajar sekolah menengah, terutama yang berusia 18 tahun.

Kita akui Internet memainkan peranan penting dalam bidang pendidikan pada masa sekarang, namun ia juga dimanipulasi dengan kegiatan tidak bermoral. Justeru, semua pihak yang terbabit seperti syarikat telekomunikasi, ibu bapa serta guru perlu berganding bahu membanteras ancaman jenayah siber seperti ini.

Syarikat telekomunikasi perlu mengutamakan elemen tanggungjawab sosial dan moral kepada masyarakat. Elemen tapisan yang sewajarnya perlu dikuatkuasakan supaya anak kita tidak sewenang-wenangnya terjerumus kepada ancaman siber dan buli yang boleh membahayakan mereka kelak. Guru dan pihak sekolah juga perlu terbabit secara serius dalam mewujudkan kesedaran dalam kalangan pelajar sekolah. Kempen kesedaran dan pencegahan yang boleh mendedahkan jenis ancaman siber, contoh kejadian buli siber serta kesan terhadap pelajar perlu didedah secara meluas supaya pelajar tahu sejauh mana ancaman jenayah siber boleh membahayakan diri mereka.

Kita perlu bertindak segera. Kita khuatir ada pihak tidak bertanggungjawab sentiasa menunggu dan mencari peluang untuk mengambil kesempatan ke atas anak kita.

Mari kita ambil iktibar atas pendedahan laporan kajian ini, sekaligus mengambil langkah pencegahan sewajarnya supaya dapat melindungi keselamatan anak kita daripada terus menjadi ancaman buli mahupun jenayah siber yang semakin meningkat dan merisaukan semua pihak.

*Penulis Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar UPM*



KERATAN AKHBAR  
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 48  
TARIKH: 19 DISEMBER 2013 (KHAMIS)

Oleh Ainul Fatimah Mansor  
am@mediaprima.com.my  
Putrajaya

# Kemaruk Internet 19 jam

■ Ramai ibu bapa tidak tahu bahan diakses anak

Laporan 'Norton Online Family' mendapati kanak-kanak di negara ini menghabiskan secara purata 19 jam seminggu melayari Internet sedangkan ibu bapa beranggapan anak mereka hanya menggunakan Internet 11 jam sahaja dalam tempoh berkenaan.

Ketua Pengarah Lembaga Penduduk Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) Datuk Dr Siti Norliah Ismail berkata, hasil kajian juga mendapati hanya empat daripada 10 ibu bapa mengetahui apa yang diakses dan dilayari oleh anak mereka.

Malah, kajian juga menunjukkan sembilan daripada 10 kanak-kanak di negara ini pernah terdedah kepada pengalaman negatif menerusi penggunaan dalam talian.

Katanya, senario itu sebenarnya memberikan impak negatif kepada perkembangan emosi kanak-kanak. "Sepatutnya, institusi keluarga yang juga unit asas dalam masyarakat mem-



FOTO: FARIZ ISWADI ISMAIL

dang serius perkara ini kerana ia menjadi faktor penentu kepada pembangunan yang mapan, sekali gus dapat memacu negara mencapai Wawasan 2020.

"Bagaimanapun, pada hari

ini, institusi keluarga sentiasa berdepan dengan pelbagai cabaran yang dikaitkan dengan permasalahan sosial seperti pembuangan bayi, keganasan rumah tangga, penyalahgunaan dadah, je-

nayah berat seperti bunuh dan jenayah seksual seperti rogol.

"Malah peri laku seksual tidak sihat, kecurian harta benda, jenayah perdagangan serta jenayah siber turut ber-

laku walaupun pelbagai usaha sudah diambil kerajaan," katanya ketika berucap pada Seminar Remaja Perkasa, Harapan Bangsa, di sini, semalam.

Kira-kira 1,500 peserta terdiri daripada remaja dan ibu bapa menghadiri seminar berkenaan.

Turut hadir, Yang Dipertua Persatuan Wanita dan Suri Penjawat Awam (PUSPANITA) Puan Sri Datuk Rohani Abdullah.

Siti Norliah berkata, laporan daripada **Cyber Security Malaysia** yang dikeluarkan Ogos lalu turut menunjukkan sebanyak 5,592 insiden keselamatan siber dilaporkan kepada Cyber999 dari Januari hingga Jun tahun ini.

Menurutnya, daripada analisis data separuh tahun pertama mendapati jenayah penipuan adalah kejadian

paling kerap dilaporkan diikuti pencerobohan dan gangguan siber.

"Oleh itu, bagi membantu memperkasakan dan melindungi keselamatan ahli keluarga, kerajaan menerusi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) melaksanakan Program Keselamatan Keluarga Tanggungjawab Kita (SEKATA) yang bertujuan mendidik ahli keluarga, masyarakat serta komuniti untuk bekerjasama mengatasi masalah sosial di kawasan setempat.

"Selain SEKATA, Dasar dan Pelan Tindakan Pendidikan Kesihatan Reproktif dan Sosial (PEKERTI) juga dibangunkan untuk melahirkan individu berpengetahuan dan mempunyai sikap positif dalam bidang kesihatan re- produktif serta sosial," katanya.